

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, MALAYSIA, JANUARI 2025

Jualan Perdagangan borong & runcit Malaysia mencatat pertumbuhan 4.6 peratus pada permulaan 2025, mencecah RM148.9 bilion pada Januari

PUTRAJAYA, 12 MAC 2025 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) hari ini mengeluarkan laporan **PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, JANUARI 2025**. Perdagangan borong & runcit memulakan tahun 2025 dengan jumlah jualan sebanyak RM148.9 bilion pada Januari, merekodkan pertumbuhan 4.6 peratus tahun ke tahun.

Dalam satu kenyataan hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, "Peningkatan jualan bagi Januari didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong. Perdagangan runcit mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM66.1 bilion, meningkat RM5.0 bilion dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 8.2 peratus. Perdagangan borong pula mencatatkan jumlah jualan RM66.8 bilion, meningkat RM3.1 bilion, dengan pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 4.9 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan

jualan berjumlah RM16.0 bilion, menurun RM1.6 bilion atau -9.1 peratus tahun ke tahun berikutan prestasi luar biasa pada Disember 2024.”

Ketua Perangkawan turut memaklumkan, “Perdagangan borong terus menunjukkan daya tahan pada Januari 2025, didorong oleh permintaan yang kukuh terhadap barangan keperluan pengguna. Jualan borong barangan isi rumah meningkat 5.3 peratus kepada RM13.9 bilion, terutamanya disokong oleh peningkatan jualan pakaian dan produk berkaitan farmasi. Jualan borong makanan, minuman & tembakau turut mencatatkan peningkatan, iaitu 5.0 peratus kepada RM13.9 bilion, didorong oleh peningkatan penggunaan sempena musim perayaan. Pertumbuhan ini juga disokong oleh Lain-lain pengkhususan jualan borong yang meningkat 2.6 peratus.”

Mengulas lanjut mengenai subsektor Perdagangan runcit, Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin menjelaskan subsektor ini disokong oleh Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan yang meningkat 9.7 peratus kepada RM25.5 bilion dan juga Jualan runcit di kedai pengkhususan yang berkembang 8.3 peratus kepada RM14.0 bilion pada Januari 2025. Lonjakan dalam aktiviti jualan runcit ini sebahagian besarnya didorong oleh sambutan perayaan Tahun Baru Cina dan musim cuti sekolah. Tambahan pula, pada Januari juga Malaysia menjadi tuan rumah bagi sambutan Tahun Baru Cina yang pertama kali diadakan di luar China, sekaligus meningkatkan ketibaan pelancong dari negara tersebut dan memberi impak positif kepada aktiviti peruncitan. Selain itu, Jualan runcit bahan api kenderaan mencatat pertumbuhan 7.8 peratus kepada RM6.0 bilion, mencerminkan peningkatan aktiviti perjalanan. Sementara itu, Jualan runcit barangan isi rumah meningkat 4.7 peratus kepada RM7.5 bilion, didorong oleh permintaan lebih tinggi terhadap produk peralatan rumah bersempena musim perayaan. Pada tempoh yang sama, Jualan runcit barangan kesenian & rekreasi meningkat 9.4 peratus kepada RM2.9 bilion,

disokong oleh pembelian kelengkapan persekolahan menjelang sesi baharu pada Februari.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang sama, subsektor Kenderaan bermotor mencatatkan penurunan dalam jualan berbanding Januari tahun lalu. Trend yang sama turut dilaporkan oleh Persatuan Automotif Malaysia (MAA), yang merekodkan jualan sebanyak 48,732 kenderaan berbanding 66,923 kenderaan pada tahun lepas. Manakala, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mencatatkan 53,930 pendaftaran kenderaan, lebih rendah berbanding 70,186 pendaftaran pada tahun lalu. Penurunan pembelian pada bulan ini sebahagiannya disebabkan oleh pembelian awal pada Disember yang lalu. Kumpulan lain yang menyumbang kepada penurunan subsektor ini termasuk Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal yang mencatatkan pertumbuhan negatif iaitu -1.2 peratus kepada RM1.1 bilion. Namun, dua kumpulan lagi iaitu Jualan komponen & aksesori kenderaan bermotor dan Penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor merekodkan pertumbuhan positif masing-masing 8.0 peratus dan 5.1 peratus.

Jualan runcit melalui internet pada Januari menunjukkan peningkatan yang ketara, dengan indeks jualan runcit meningkat 9.9 peratus tahun ke tahun, disumbangkan oleh pelbagai promosi sempena perayaan dan juga persediaan persekolahan. Selepas pelarasan musim, indeks mencatatkan peningkatan 7.0 peratus bulan ke bulan.

Dari segi indeks volum, Perdagangan borong & runcit mencatatkan peningkatan 3.8 peratus tahun ke tahun. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh subsektor Perdagangan runcit, yang meningkat 6.6 peratus, diikuti oleh Perdagangan borong yang mencatatkan peningkatan 4.5 peratus. Sebaliknya, Kenderaan bermotor mencatatkan penurunan -11.1 peratus pada bulan ini. Selepas pelarasan musim, indeks volum mencatatkan peningkatan bulanan 0.4 peratus berbanding Disember


2024.

Sektor Perdagangan borong & runcit Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah pada Januari 2025, disebabkan kemerosotan dalam segmen Kenderaan bermotor, sementara subsektor Perdagangan runcit dan Perdagangan borong terus menunjukkan prestasi positif. Sektor ini dijangka mengekalkan momentum pertumbuhannya, disokong oleh penggunaan domestik yang stabil dan aktiviti pelancongan yang berterusan.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan.”


Carta 1: Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit




Carta 2: Nilai Jualan Perdagangan Borong




Carta 3: Nilai Jualan Perdagangan Runcit



Carta 4: Nilai Jualan Kenderaan Bermotor



Carta 5: Indeks Jualan Runcit Melalui Internet



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAWAN MALAYSIA
12 MAC 2025

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, MALAYSIA, JANUARY 2025

Malaysia's Wholesale & retail trade begins 2025 with 4.6 per cent growth in January, reaching RM148.9 billion in sales

PUTRAJAYA, MARCH 12, 2025 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) today released the ***PERFORMANCE OF WHOLESALE & RETAIL TRADE, JANUARY 2025*** report. The Wholesale & retail trade sector began the year 2025 with total sales of RM148.9 billion in January, recording a 4.6 per cent growth year-on-year.

In a statement today, Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said, "The increase in sales for January was mainly driven by the Retail trade and Wholesale trade sub-sectors. Retail trade recorded total sales of RM66.1 billion, an increase of RM5.0 billion, reflecting a year-on-year growth of 8.2 per cent. Meanwhile, Wholesale trade registered total sales of RM66.8 billion, increased by RM3.1 billion, with a year-on-year growth of 4.9 per cent. However, the Motor vehicles sub-sector saw total sales of RM16.0 billion, a decline of RM1.6 billion or -9.1 per cent year-on-year, following an exceptional performance in December 2024."

The Chief Statistician also stated, “Wholesale trade continued to demonstrate resilience in January 2025, driven by robust demand for essential consumer goods. The Wholesale of household goods grew by 5.3 per cent to RM13.9 billion, primarily supported by increased sales of clothing and pharmaceutical-related products. The Wholesale of food, beverages & tobacco also saw a 5.0 per cent increase to RM13.9 billion, fueled by the festive season's heightened consumption. In addition, this growth was further supported by Other specialised wholesale trade, which rose by 2.6 per cent.”

Elaborating on the Retail trade sub-sector, Dato’ Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin explained that this sub-sector was supported by Retail sales in non-specialised stores, which increased by 9.7 per cent to RM25.5 billion and Retail sales in specialised stores, which grew by 8.3 per cent to RM14.0 billion in January 2025. The surge in retail sales activity was largely driven by the Chinese New Year celebrations and the school holiday season. Additionally, in January, Malaysia was selected as the host for the first-ever Chinese New Year celebration held outside of China, which boosted tourist arrivals from China and positively impacted retail activities. Retail sales of automotive fuel also showed an increase of 7.8 per cent to RM6.0 billion, reflecting a rise in travel activity. Meanwhile, Retail sales of household goods grew by 4.7 per cent to RM7.5 billion, driven by higher consumer demand for home appliances during the festive season. Furthermore, Retail sales of cultural & recreational goods saw a 9.4 per cent increase to RM2.9 billion, supported by purchases of school supplies in preparation for the new academic term starting in February.

However, during the same period, the Motor Vehicles sub-sector recorded a decline in sales compared to January of the previous year. A similar trend was also reported by the Malaysian Automotive Association (MAA), which recorded sales of

48,732 vehicles, a drop from 66,923 vehicles sold last year. Meanwhile, the Road Transport Department (JPJ) registered 53,930 vehicle registrations, lower than the 70,186 registrations recorded the previous year. The decline in purchases this month was partly due to early purchases made in December. Another contributing factor to the downturn in this sub-sector was the Sales, maintenance & repair of motorcycles, which recorded a negative growth of -1.2 per cent, amounting to RM1.1 billion. However, two other groups showed positive growth namely Sales of motor vehicle parts & accessories which grew by 8.0 per cent, while Maintenance & repair of motor vehicles increased by 5.1 per cent.

Retail sales over the internet in January showed a significant increase, with the retail sales index rising by 9.9 per cent year-on-year, driven by various promotions in conjunction with festive celebrations and back-to-school preparations. After accounting for seasonal adjustments, the index recorded a 7.0 per cent month-on-month increase.

In terms of the volume index, Wholesale & retail trade recorded a year-on-year increase of 3.8 per cent. This growth was primarily driven by the Retail trade sub-sector, which rose by 6.6 per cent, followed by Wholesale trade, which saw an increase of 4.5 per cent. On the other hand, the Motor vehicles sub-sector recorded a decline of -11.1 per cent this month. After seasonal adjustments, the volume index registered a 0.4 per cent month-on-month increase compared to December 2024.

Malaysia's Wholesale & retail trade sector recorded slightly lower growth in January 2025, due to downturn in Motor vehicles segment while the Retail trade and Wholesale trade sub-sectors continued the positive drive. This sector is expected to maintain its growth momentum, supported by stable domestic consumption and the continuous tourism activities.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life.”

Chart 1: Sales Value of Wholesale & Retail Trade




Chart 2: Sales Value of Wholesale Trade




Chart 3: Sales Value of Retail Trade




Chart 4: Sales Value of Motor Vehicles





Chart 5: Index of Retail Sale Over the Internet



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 MARCH 2025